

Adat Tolak Bala Pandemi Covid-19 dalam Masyarakat Mualang di Belitang, Kalimantan Barat

The Pandemic Covid-19 Evil-Dispelling Ritual Among The Mualang In Belitang, West Kalimantan

HENDRIKUS MANGKU, CHONG SHIN & JAMES T. COLLINS

ABSTRAK

Adat tolak bala ataupun nulak bala dalam bahasa Mualang merupakan satu amalan tradisional yang bertujuan untuk menghindari masyarakat daripada sesuatu penyakit ataupun musibah. Akibat modernisasi, adat ini jarang diamalkan oleh masyarakat Mualang pada masa sekarang dan dikategorikan sebagai warisan yang terancam punah. Dalam tempoh pandemik Covid-19 menular, adat ini didapati muncul kembali dalam masyarakat Mualang di lembah Sungai Belitang dan dipraktikkan sebagai kaedah alternatif untuk mencegah Covid-19. Pada kesempatan itu, pengkaji utama telah berjaya mengumpulkan warisan berharga ini dengan kaedah wawancara dan pemerhatian ikut serta. Oleh kerana budaya Mualang ini belum pernah dirungkai sebelum ini, makalah ini bertujuan melakukan deskripsi ke atas ritual tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pentek (patung berupa manusia) merupakan benteng simbolik untuk menghalang serangan penyakit. Dari segi upacara, ritual tolak bala disempurnakan melalui empat peringkat yang berbeza, iaitu menimang ayam (nimang manok), memanggil makhluk pelindung (Puyang Gana), menimang pentek (nimang pentek) dan memohon perlindungan dari Petara. Setiap peringkat ini akan disertakan dengan pelafazan mantera-mantera yang berkaitan. Kajian terhadap adat tolak bala suku Mualang ini telah menyumbang kepada kosa ilmu etnografi Mualang, khususnya pelestarian warisan tak ketara yang terancam punah. Sesungguhnya, di era pasca Covid-19, mustahil adat ini akan diamalkan lagi oleh masyarakat Mualang, lebih-lebih lagi dengan kajian yang mengesani bahawa wujud tanggapan negatif daripada generasi muda terhadap ritual ini.

Kata kunci: Pandemi Covid-19; Adat Tolak Bala; suku Mualang; mantera

ABSTRACT

The evil-dispelling ritual, or nulak bala in Mualang, is a traditional ceremonial performed by the Mualang as a remedy to driving away evil, illness, or calamity. This ritual, which the Mualang no longer perform as a result of modernisation, belongs to the category of endangered heritage. The ritual was suddenly reintroduced and performed by the Mualang in the Belitang valley as an alternate method to deal with the Covid during the Pandemic Covid-19 period. The first author took advantage of this opportunity and employed participant observation and interviewing to successfully gather this valuable heritage. Due to the fact that this aspect of Mualang culture has never been investigated, this essay makes an effort to describe the rite. According to the results of this study, the pentek (a particular kind of puppetry statue) is the symbolic artefact that acted as a shield to protect the people from an illness. During the nulak bala ritual, this rite is performed in four stages: nimang manok, calling for Puyang Gana, nimang pentek, and finally pleading for Petara's protection. The Shaman will spell out relevant mantras at every phase. The study of evil-dispelling rites may contribute to Mualang ethnographic research, particularly the endangered intangible heritage preservation effort. In reality, after the epidemic era, the Mualang people may be less willing to hold such ceremonies due to adverse responses expressed by the younger generation.

Keywords: Covid-19 pandemic; Evil-dispelling rite; Mualang; chants

PENDAHULUAN

Pada 2 Mac 2020, Presiden Republik Indonesia Joko Widodo mengumumkan secara rasmi bahawa

terdapat dua kes Covid-19 ditemui di Indonesia. Menurut Jokowi, kedua-dua pesakit tersebut merupakan dua orang wanita berusia 64 tahun dan 31 tahun yang tinggal di Depok, Jawa Barat (Rachman

dan Nelwan 2021). Pada ketika itu, pandemik ini sangat digeruni oleh penduduk Indonesia dan penduduk dunia. Kes ini menyaksikan penambahan dari hari ke hari dan belum ada vaksin yang berkesan untuk mencegahnya sehingga menyebabkan puluhan ribu kes kematian dilaporkan di pelbagai negara. Di sebalik kerajaan Indonesia giat melanggan vaksin dan merancang vaksinisasi untuk rakyatnya, sekelompok masyarakat pribumi di Kalimantan Barat, iaitu suku Mualang disaksikan juga berusaha menggunakan rawatan alternatif bagi menangani pandemik COVID-19. Dalam hal ini, mereka telah mengadakan satu upacara *tolak bala* pada pertengahan bulan Mac hingga awal April 2020, di daerah Belitang (Peta 1), seperti di Desa (kesatuan wilayah yang terdiri daripada beberapa kampung atau dusun) Maboh Permai, SP 4 Setuntung dan Desa Nanga Ansar. Desa Nanga Ansar terdiri daripada gabungan beberapa kampung iaitu Kampung Sungai Gandal, Muntik, Kalon, Keramuk, Sungai Sawak dan Nanga Ansar. Wilayah pentadbiran Desa ini mengambil nama dari kampung Nanga Ansar yang majoriti penduduknya terdiri daripada penduduk Melayu dan Cina. Penduduk kampung ini kini banyak yang berpindah ke wilayah transmigrasi lain. Keadaan yang sama juga disaksikan di kampung Kalon, Keramuk dan Sungai Sawak, kebanyakan daripada penduduk telah berpindah ke wilayah satuan permukiman yang bergabung dengan warga transmigrasi dari Pulau Jawa dan Pulau Flores.

Upacara yang seumpama didapati juga dilakukan oleh masyarakat di kampung Umin, Sintang oleh suku Desa (Loischofeer & Darmawan 2021) dan orang Melayu di Rawak, Sekadau (Kermila et al. 2021). Di Malaysia, ritual tolak bala (*miring tangkis* Covid-19) juga diadakan oleh masyarakat Iban di Rumah Panjang Banyah Miri (Sarawak) dan ini telah dilaporkan oleh W.B Ongie (2020) dalam Utusan Borneo Online. Henry (2020) pula melaporkan di Sabah, terdapat ritual *mensuung* tolak bala telah diadakan bagi mengusir segala malapetaka termasuk virus Covid-19. Jika ditinjau dari segi sejarah, amalan tolak bala telah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu lama dan ritual ini telah dikaji dalam buku Skeat (1900), *Malay Magic*. Konsep amalan tradisional ini nampaknya bersifat sejagat di alam Melayu dan kajian ini mendapati bahawa masyarakat Mualang, Desa, Iban dan Melayu di Borneo malah cuba

menggunakannya untuk mencegah wabak pandemik Covid-19. Pada hakikatnya, adat tolak bala sudah ditinggalkan oleh masyarakat Mualang tetapi ketika pandemik Covid-19, adat ini diamalkan kembali oleh masyarakat tersebut.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Suku Mualang merupakan salah satu suku pribumi di Kalimantan Barat. Dari segi penelitian ilmiah, suku ini lebih mendapat perhatian jika berbanding dengan suku-suku lain seperti Ketungau, Desa, Mentukak, Jawan dan sebagainya. Lebih kurang 70 tahun lalu, Dunselman (1950, 1955 dan 1959), seorang pastor telah banyak mendokumentasikan sastera lisan suku Mualang di kawasan Belitang dan skopnya merangkumi aspek sejarah, migrasi, adat perkahwinan dan *Kana Sera* orang Mualang. Lebih kurang lima puluh tahun kemudian, tatabahasa bahasa Mualang telah dikaji secara mendalam oleh Tjia (2007a). Dari segi kawasan persebaran, suku Mualang tinggal di lembah Sungai Belitang dan Sungai Ayak—kedua-duanya merupakan cabang Sungai Kapuas (Sungai yang terpanjang di Kalimantan Barat). Dari segi administrasi politik, perkampungan Mualang terangkum dalam wilayah kabupaten Sekadau. Namun, terdapat beberapa perkampungan Mualang terletak dalam daerah pentadbiran Sepauk, kabupaten Sintang.

Dahulu perkampungan orang Mualang sukar dijangkau kerana tidak dihubungkan dengan jalan darat. Sekitar tahun 1980 hingga 1990, pemerintah Indonesia telah mengadakan projek transmigrasi yang memindahkan orang Jawa dan Flores ke daerah Belitang dan pada ketika itu, jalan tanah merah mula dibina (Collins 2021). Pengangkutan darat ke kawasan Belitang juga berkembang susulan daripada aktiviti penanaman kelapa sawit oleh syarikat perusahaan kelapa sawit. Dari segi demografi penduduk, tidak ada data yang tepat tentang jumlah penduduk Mualang dan menurut Tjia (2007a), penduduk Mualang dianggarkan kira-kira 40,000 orang. Pada tahun 2022, jumlah ini dianggarkan meningkat selepas belasan tahun.

Dari segi bahasa, suku Mualang menuturkan bahasa Mualang yang tergolong dalam kumpulan bahasa Ibanik dan bahasa mereka mempunyai kekerabatan linguistik dengan bahasa Iban, Bugau, Banjur, Seberuang, Desa, Ketungau, Ketungau Sesat, Kantu, Demam, Sebaru' Air Tabun (Lihat Hudson

1970; Collins 2004b; Collins dan Chong 2007; Chong 2006, 2015). Collins (2004a) menyatakan bahawa etnik ini menuturkan bahasa dan dialek yang sekerabat dekat dengan Iban walaupun mereka tidak menamakan diri mereka sebagai 'Iban'. Dari segi klasifikasi linguistik, bahasa Mualang dibahagikan kepada dua dialek, iaitu Mualang hilir dan Mualang

hulu (Tjia 2007b). Dialek Mualang hulu lebih banyak dituturkan di daerah kecamatan Belitang Hulu, walaupun terdapat beberapa kampung di Belitang hulu menyaksikan persamaan dialek dengan dialek Mualang di bahagian hilir. Dialek Mualang Belitang hilir pula lebih banyak dituturkan di daerah kecamatan Belitang dan Belitang Hilir.



PETA 1. Kedudukan kawasan kajian

Seperti yang telah dinyatakan di atas, penelitian ilmiah tentang suku Mualang memang lebih menonjol jika dibandingkan dengan suku Ibanik lain di Kalimantan Barat. Penelitian yang dilakukan oleh Dunselman (1950, 1955) telah berjaya menghuraikan tentang sastera lisan suku Mualang. Namun, selepas kajian Dunselman, kajian tentang sastera lisan suku ini telah diabaikan sedangkan banyak sastera lisan Mualang yang memiliki nilai yang tinggi, termasuk sastera lisan yang berkaitan dengan adat tolak bala.

KONSEP TOLAK BALA

Dalam kamus Melayu yang tersohor, *A Malay-English Dictionary* oleh Wilkinson (1903) mendefinisikan kata “tolak” sebagai:

Repelling; rejecting; pushing away or pushing off;... Of keeping off misfortune ...eg. by the use of scapegoats or propitiatory offerings (tolak bala) or of consecrated water (ayer tolak bala) of charms (azimat penolak kejahatan orang).

Maksudnya:

Menolak; mengetepikan atau mendorong;... menghindari kemalangan ...misalnya. dengan menggunakan kambing hitam atau korban pendamaian (tolak bala) atau air suci (ayer tolak bala) dari azimat (azimat penolak kejahatan orang)

Manakala, kata “bala” sebagai:

Calamity ...esp of an epidemic, drought or other public calamity or national danger...propitiatory prayers (doa tolak bala).

Maksudnya:

Musibah ...terutamanya wabak penyakit, kemarau atau bencana lain atau bahaya yang umum...doa tolak bala).

Definisi ini turut selaras dengan konsep *tolak bala* dalam masyarakat Mualang iaitu ‘untuk mencegah apabila terdapat wabak penyakit, musibah atau bencana alam lainnya’. Dalam ritual tolak bala, terdapat pengamalan mantera atau doa yang dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: 1) permohonan maaf kepada alam semesta kerana telah banyak melakukan kesalahan, 2) permintaan untuk mengusir penyakit atau roh jahat yang mengganggu, dan 3) pelafazan doa supaya keadaan kembali ke tahap yang sihat. Dalam perubatan tradisional Mualang, kata ‘mantera’ sebenarnya jarang digunakan dan mereka lebih kerap menggunakan istilah *cuca*, *tawar*, *kana*, *sampi/serapa* dan *timang*. Mantera yang berasal daripada orang Melayu tetapi digunakan oleh orang Mualang dinamakan sebagai *cuca* dan *tawar*. *Cuca-tawar* tersebut banyak mengandungi unsur-unsur agama Islam. Hal ini selaras dengan kajian Hermansyah (2010) tentang *cuca* dan *tawar* Melayu Embau di Kapuas Hulu, Kalimantan Barat. Mantera suku Mualang dalam bahasa Mualang pula terdiri daripada *kana*, *sampi/serapa* dan *timang*. *Kana* merupakan sejenis syair yang dilafazkan untuk menceritakan suatu kejadian dan dijadikan hiburan semasa malam Gawai atau pesta lain. *Kana* juga digunakan untuk mengubati penyakit *kayap* (herpes), dengan *bekana* (bercerita) tentang asal usul *kayap*. *Sampi* atau *serapa* merupakan doa yang dilafazkan dengan tujuan memohon keberhasilan tanaman pertanian. Contohnya, terdapat *serapa padi* yang mendoakan hasil tanaman di ladang subur dan berhasil. *Sampi* atau *serapa* sering digunakan dalam ritual *bedarak*, termasuk dalam ritual tolak bala. Dari segi definisi,

bedarak merupakan ritual untuk memanggil dan memberi makan kepada *Petara*, *Puyang Gana*, dan roh-roh nenek moyang, termasuk hantu penguasa suatu kawasan. Tujuannya adalah berharap “mereka” dapat menjaga dan memberkati masyarakat Mualang. Aktiviti *bedarak* juga dilakukan dalam ritual-ritual seperti membuka kawasan baharu, menuba ikan di sungai, memasang tiang rumah baharu, ketika seseorang bermimpi buruk dan sebagainya. Istilah *timang* pula membawa erti menyanjungi sesuatu. Contohnya *menimang ayam* supaya ayam tersebut kuat untuk bersabung, *menimang buaya* supaya buaya menjadi jinak, *menimang muanyik* (lebah madu) supaya banyak hasil madu dan lebah tersebut tidak menyengat orang. Kini penggunaan mantera sudah tidak popular lagi dalam masyarakat Mualang kerana telah beralih kepada perubatan moden.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian tentang sastera lisan suku Ibanik di Kalimantan Barat memang agak terhad jika dibandingkan dengan kajian ke atas kaum Iban di Sarawak. Penelitian tentang sastera lisan suku Iban sudah lama bermula dan menurut Cense dan Uhlenbech (1958), “*The most extensive text in the so-called ‘sacred language’ is the ‘Chant of the flowers of the year’ published and translated by E. Dunn between 1912 and 1916*”. Usaha ini didapati masih berterusan sehingga kini dan beberapa hasil kajian penting yang boleh dirujuk, iaitu kajian Sather (2001), Sandin (1961, 1969, 1982), Jantan & Janang (2004) dan sebagainya.

Sejak abad ke-21, penelitian bahasa Ibanik di Kalimantan Barat telah banyak diusahakan oleh Collins (2001, 2002, 2003, 2004a, 2005), Chong (2006, 2007), Tjia (2007), Herpanus (2014) dan sebagainya. Namun, penelitian terhadap aspek sastera lisan dan budaya masih jauh ketinggalan. Sebagai sebahagian daripada kebudayaan dan sastera lisan, ritual tolak bala suku Mualang yang dibahaskan dalam makalah ini juga belum pernah dikaji sedangkan adat ini sedang terancam pupus. Pada hari ini, hanya segelintir kecil pengamal-pengamal ritual yang tahu tatacara dan pelafazan mantera Mualang. Jika dibandingkan dengan kawasan lain di alam Melayu, kajian tentang tolak bala juga pernah dilakukan. Antara kajian yang terkemuka ialah oleh Skeat (1900) di Semenanjung Malaysia dan dalam tulisan Derani (2007), beliau pernah menyebut seimbis lalu tentang adat tolak bala suku Benawas dan Sekujam

(di Kalimantan Barat). Sehubungan dengan itu, perlu ada kajian yang mendalam tentang aspek ini bagi mengisi kelompangan kosa ilmu seperti yang dijelaskan di atas.

TUJUAN KAJIAN

Adat tolak bala dalam masyarakat Mualang sebenarnya telah lama ditinggalkan. Ritual ini diamalkan semula ketika pandemik Covid-19 melanda. Dengan mengambil kesempatan ini, pengkaji telah mengumpulkan data secara *in-situ* dalam upacara tersebut. Kajian ini akan menghuraikan adat tolak bala tersebut bersertakan dengan deskripsi ringkas sikap pelbagai kumpulan masyarakat Mualang terhadap adat ini. Kumpulan yang dimaksudkan adalah penganut agama Katolik, Protestan, golongan muda (di bawah umur 30 tahun) dan golongan tua (berumur lebih dari 30 tahun). Penelitian ini merupakan penelitian rintis yang akan memberikan sumbangan dari segi pendokumentasian warisan tak ketara khususnya yang terancam pupus.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian antropologi linguistik yang menghuraikan aspek bahasa dan budaya tolak bala suku Mualang dengan pendekatan kualitatif. Sebagai salah satu disiplin ilmu sains sosial, penelitian linguistik perlu dijalankan dengan kaedah yang sistematik dan saintifik, kerana ilmu linguistik adalah ilmu yang bersifat empirikal. Tugas seorang ahli linguistik pada hakikatnya mendeskripsi dan menjelaskan fakta-fakta berdasarkan data yang ada (Chong 2005, 2012). Bagi mendapatkan data ketika ritual tolak bala diadakan, kajian lapangan telah dilakukan di Kampung Muntik dan Sungai Gandal. Kedua-dua kampung ini berada di Kecamatan Belitang, Kalimantan Barat. Collins (2016:25) menyatakan bahawa penelitian yang baik harus bermula dengan pengetahuan tentang kawasan kajian. Oleh kerana pengkaji utama merupakan penduduk asal di Belitang, kawasan kajian ini bukanlah tempat yang asing. Dari segi tatacara memperoleh data lapangan, kaedah yang dipraktikkan ialah temu bual dan pemerhatian ikut serta. Terdapat dua kelompok masyarakat yang dijadikan informan, iaitu pengamal tradisional ritual (dukun dan ketua adat) dan masyarakat umum. Hasil temu bual tersebut akan dirakam secara sedar dengan kebenaran daripada

informan. Data rakaman ini berbentuk aktiviti pengamalan adat tolak bala dan mantera-mantera yang dilafazkan. Hasil rakaman tersebut kemudian ditranskripsikan oleh pengkaji ke dalam bentuk teks untuk tujuan analisis.

ADAT TOLAK BALA SUKU MUALANG

Dalam bahasa Mualang, istilah tolak bala disebut sebagai *nulak bala namu*. Kata *nulak* (Afiks+*tulak*) merupakan sebutan dalam bahasa Mualang bagi kata yang sepadan dengan *menolak* (kata dasar, *tolak*) dalam bahasa Melayu. Kata *nulak* jika ditinjau dari aspek etnografi Mualang, ditafsirkan sebagai sepatah kata yang arkaik kerana amalan ini telah ditinggalkan oleh masyarakat moden. Ketika kajian lapangan, didapati bahawa mereka cenderung menggunakan kata *tolak bala* sebagai kata alternatif.

Salah satu gejala yang menunjukkan adat tolak bala hampir pupus dalam kehidupan masyarakat Mualang ialah sukar untuk mendapatkan dukun bagi mengetahui ritual tolak bala ketika masyarakat mengetahui adanya pandemik Covid-19 yang melanda. Akhirnya seorang *pelipur lara* berketurunan Ibanik Banjar (sub suku Mualang dari Desa Maboh Permai) telah berjaya dilantik untuk tujuan tersebut. Antara faktor yang mengakibatkan ritual-ritual adat masyarakat Mualang semakin pupus ialah faktor keagamaan kerana masyarakat Mualang kini menganut agama Katolik, Protestan dan sebahagian kecilnya beragama Islam. Justeru itu, ritual-ritual tradisional ini dianggap sebagai amalan yang animisme.

Ketika masyarakat Mualang ingin menganjurkan adat tolak bala untuk Covid-19, memang terdapat sebahagian masyarakat menentang ritual tersebut kerana pada pendapat mereka, aktiviti ini dianggap bertujuan menyembah makhluk ghaib dan bertentangan dengan ajaran agama. Namun demikian, sebahagian besar daripada masyarakat Mualang telah mengikut serta upacara tersebut walaupun mereka beragama Katolik. Aktiviti ini turut diikuti oleh suku-suku lain yang tinggal di perkampungan Mualang. Menurut seorang informan, Pandung (Lelaki 93 tahun):

“Tolak bala kita Mualang tuna? jaman kelia? ukai ngau nulak penyaket co?. Kelia? uraṅ tuai nulak bala ngau nulak bala musoh. Nema keliak age musem ngayau kita mayoh musoh. Entek to? keba? nulak penyaket. Bala pantang ndai nise mayoh

co?, paleng sarinyak ndai tau keluar rumah. Pentek ndai alah pemayoh ensia uleh tiap simpang jalai tamak ke kampong co? misal saka jalai Ganai 5 ute^k, jalai Ansar lima ute^k. Uda nya manok dua iko?, babi kira serenti dua renti sege tau co?”.

Maksudnya:

Pada zaman dulu, adat tolak bala Mualang sebenarnya bukan untuk menghalau penyakit tetapi untuk menangkis musuh-musuh yang datang *mengayau* (memenggal kepala). Adat tolak bala yang diadakan sekarang ini bertujuan untuk menghalau ataupun menghindarkan daripada terkena sesuatu penyakit. Tatacara dan pantang larang untuk adat ini tidak rumit. Pantang larang yang perlu dipatuhi cuma ialah tidak boleh keluar rumah; *pentek* yang dipacak tidak boleh melebihi bilangan orang di kampung. *Pentek* (patung) yang diperbuat daripada kayu *kumpang* (Gambar 1) perlu diletakkan di setiap persimpangan jalan masuk ke kampung, misalnya lima *pentek* akan di letak di simpang jalan masuk ke kampung Gandai dan lima lagi di jalan Ansar. Selepas itu, perlu juga menyediakan dua ekor ayam dan satu ataupun renti babi.

Berdasarkan hujah informan tersebut, *tolak bala* dalam masyarakat Mualang dahulu merujuk kepada satu usaha untuk mempertahankan masyarakat mereka daripada *dingayau* oleh musuh yang datang memburu kepala. Namun demikian, adat ini juga digunakan untuk menghalau penyakit atau *sampar*. Ini bermaksud bahawa adat tolak bala telah mengalami perluasan makna dengan merujuk kepada mencegah, mengubati penyakit ataupun memohon perlindungan daripada sang maha kuasa alam semesta supaya bebas dari wabak, bencana atau gangguan roh-roh jahat.

Oleh kerana amalan tolak bala dikategorikan sebagai sejenis budaya tradisi dan kini masyarakat Mualang merupakan penganut agama Kristian (Katolik dan Protestan), maka wujud pertikaian yang berbeza dari segi sikap terhadap pengamalan budaya tersebut. Masyarakat Mualang yang beragama Katolik sebahagian besar bersetuju mengadakan ritual ini. Tambahan lagi, pihak gereja Katolik juga tidak melarang amalan tersebut kerana dianggap ia merupakan sejenis kebudayaan. Gereja Katolik memang terbuka kepada berbagai kebudayaan tempatan sehingga terjadinya gejala inkulturasi dalam gereja Katolik. Ketika pandemik Covid-19, seorang paderi Katolik menyatakan bahawa ritual tolak bala boleh diamalkan sebagai suatu ungkapan kebudayaan dan doa-doa dalam mantera hendaklah berpaksikan kepada Tuhan pencipta alam semesta dan bukannya kepada hantu

ataupun dewa dewi. Bagi penganut agama Protestan pula, mereka kurang bersetuju dengan ritual tolak bala kerana terdapat banyak unsur animisme. Kajian juga mendapati bahawa wujud sikap yang berbeza mengikut peringkat umur dalam kalangan masyarakat Mualang. Sebahagian golongan muda (berumur 30 tahun ke bawah) dalam kajian ini tidak bersetuju dengan amalan ini walaupun mereka datang berkemurung menyaksikan ritual ini. Ini sebaliknya dengan golongan berusia yang bersetuju ritual tolak bala ini diadakan. Daripada sikap yang berbeza mengikut peringkat usia, kita dapat mengetahui bahawa golongan muda sudah tidak menitikberatkan amalan tradisional dan sikap sedemikian merupakan antara penyebab kepupusan budaya tradisi.

TAHAPAN DALAM RITUAL TOLAK BALA

Ritual tolak bala yang diamalkan oleh masyarakat Mualang ketika pandemik Covid-19 didapati diadakan secara bertahap-tahap, walaupun pada ketika itu, keadaan masih amat genting dan mendesak. Sepanjang kajian lapangan, didapati bahawa setiap tahap berlangsung dengan lancar dan penuh istiadat tradisi.

PERSIAPAN

Sebelum melaksanakan upacara tolak bala, satu perjumpaan antara pengurus adat dan pengurus kampung telah diadakan bagi mencapai kesepakatan tentang tempat, waktu, bahan dan peserta dalam upacara tolak bala. Oleh kerana upacara tolak bala diadakan di Desa yang terdiri daripada gabungan beberapa kampung, maka kesepakatan antara kepala dusun atau kepala kampung, pengurus adat dan kepala desa perlu dicapai melalui perbincangan. Setelah melakukan musyawarah bersama, hasil pertemuan akan disampaikan kepada masyarakat oleh pengurus adat atau kepala dusun melalui media sosial seperti *WhatsApp* dan *Facebook*. Mesej yang dihantar kepada masyarakat umum juga disertakan dengan maklumat seperti pantang larang yang harus dipatuhi. Antaranya seperti larangan keluar dari rumah selama satu hari atau lebih (bergantung kepada kesepakatan yang dicapai). Begitu juga dengan tetamu dari kampung lain, mereka juga tidak dibenarkan datang ke desa ini selama satu hingga tujuh hari. Namun, oleh kerana kampung ini dilalui dengan jalan raya utama, maka warga kampung lain hanya dibenarkan lalu kampung ini sahaja dan

dilarang berhenti singgah di kampung ini. Selain itu, masyarakat juga dilarang melakukan aktiviti seperti membuat pesta keramaian. Kesemua pantang larang dalam upacara tolak bala ini wajib diikuti oleh warga kampung. Jika terdapat pelanggaran, mereka akan dikenakan hukum adat. Dalam tahap persiapan, bahan-bahan yang diperlukan untuk dalam upacara tolak bala ialah babi, ayam, tuak, beras, nasi, kayu kumpang dan sebagainya. *Pentek* juga akan dipasang di setiap jalan masuk menuju ke kampung dengan jumlahnya lebih kurang lima *pentek*. *Pentek* dipercayai merupakan pengganti manusia dan benteng untuk menghalang penyakit terkena pada manusia.

PELAKSANAAN RITUAL BOLAK BALA

Upacara tolak bala ini dilakukan pada bulan Mac 2020 di desa Nanga Ansar, Kecamatan Belitang.

Pelipur lara dalam ritual tolak bala berasal dari Kampung Muntik dan pesertanya dari penduduk wilayah desa Nanga Ansar. Kegiatan ini dilakukan pada awal pagi, iaitu kira-kira pukul tujuh. *Pentek* (patung) yang diperbuat daripada kayu kumpang dan bahan-bahan untuk menyembah akan disediakan. Dari segi bilangan *pentek* yang diperlukan untuk ritual ini, kajian Loischhofer & Darmawan (2021) menunjukkan bahawa suku Ibanik Desa menyediakan *pentek* mengikut bilangan penduduk yang ada di kampung tersebut. Ini berlainan dengan suku Mualang di mana hanya satu *pentek* diperlukan untuk setiap simpang masuk ke kampung. Ukuran saiz *pentek* adalah berbeza-beza dan tiada ukuran yang standard; lihat Foto 2.



FOTO 2. *Pentek kumpang* dalam ritual tolak bala

Pada tahap seterusnya, pelipur lara (yang terdiri daripada dukun) akan melafazkan mantera tolak bala. Terdapat empat peringkat yang perlu dilalui, iaitu menimang ayam (*nimang manok*), memanggil makhluk pelindung *puyang gana*, menimang *Pentek* (*nimang pentek*) dan memohon perlindungan *petara*.

1. Menimang ayam (*nimang manok*).

Ayam merupakan haiwan peliharaan utama yang digunakan sebagai objek penyembahan dalam ritual-ritual adat. Ayam yang telah ditimang digunakan untuk *mengibau* (mengebas) ketika pembacaan mantera. Ayam tersebut *dikibau* dengan harapan segala penyakit akan hilang atau menjauhi daripada kehidupan masyarakat. Mantera yang dilafazkan pada peringkat ini adalah seperti berikut:

Ngebau manok. Nuan manok, nuan pengumpan ne? kenian, pengidop kinta kenian. keba? ente? tinok pulah penepan, ente? beyanak pulah engkerungan, ente? betelo? pulah engkran. Bayo? nuan ngau ku bekibau, ngibau penyakit anak manang ensia, ngibau taben jeringan bunga, ngebau ngelu punyong kepala, ngebau awak batu gila. Uдах nyak baru? tu?, ngau ngebau penyaket, ngebau penyaket virus corona. Da kebau ke pon paoh jingi, kebau ke pamado? jelu rayi, kebau ke tisi langit mati, kebau ke remang tajam sisi, kebau ke pusat ai buli, kebau ke pon paoh jingi, kebau ke menua sa? jawa jadi. Sayap nuan ngitap, bulu nuan nyepu.

Maksudnya:

Ngebas ayam. Tuan ayam, tuan yang sering diberi makan oleh nenek kenian (nama orang), peliharaan Kinta Kenian (nama orang). Oleh itu, jika tidur dibuat tempat hinggap, kalau beranak dibuat *engkerungan* (kurungan ayam), jika bertelur dibuat engkeran (tempat ayam bertelur). Sekarang tuan untuk saya mengebas penyakit umat manusia, mengebas demam, mengebas pusing di atas kepala, mengebas penyakit gangguan jiwa. Lepas itu baru sekarang, untuk mengebas penyakit, penyakit virus corona. Dikebas ke pokok paoh (nama tanaman endemik sejenis mangga) Jingga (nama orang). Dikebas ke terakhir binatang pergi, kebas ke pinggir langit mati, kebas ke remang tajam sisi, kebas ke pusat air *buli*. Kebas ke pokok paoh Jingga, kebas ke daerah orang Jawa. Sayap tuan berkepak, bulu tuan meniup.

Dalam mantera ini ayam disanjung seperti dalam ayat [*pengumpan ne? kenian, pengidop kinta kenian. keba? ente? tinok pulah penepan, ente? beyanak pulah engkerungan, ente? betelo? pulah engkran*]. Jenis mantera ini mirip dengan mantera *bekibau* dalam pesta perkahwinan orang Mualang yang dilaporkan oleh Dunselman (1950). Dalam masyarakat Mualang, ayam dianggap memiliki kekuatan dalam hal mengusir penyakit, sial dan makhluk halus yang ingin mengganggu manusia. Hal ini dapat diperhatikan dalam ayat [*ngibau penyakit anak manang ensia*] yang bermaksud ‘mengebas penyakit umat manusia’.

2. Memanggil Puyang Gana

Selepas *mengibas* ayam, peringkat seterusnya ialah memanggil pelindung dan penguasa alam semesta, iaitu *Puyang Gana* dengan mantera seperti berikut:

Ngumai puyang gana raja juata petara. Nema nuan aki? puyang gana raja juata petara, nyuroh kami madah wan kito?, nema wan empu buket empu bukau, empu lubok empu lanau, empu tapang empu lalau, empu ai empu danau. Jadi nyuroh wan nguser ari menua kami kita tok, penyaket virus corona ti berita munoh sa? tanah jawa nyen. Usey tumpu buru kah uleh wan ake? puyang gana. Ngasoh wan nulak ari Pontianak, suroh bado? nga? pantai, suroh bebalek nga? nanga sungai, suroh anyot ke kepuas neradang kampas, tasek lenek-lenek, lega lenak-lenak. isa? ndai

datai kito?. Sumpah suroh kah mati, bunoh suroh ka? lari. Nang nyuroh datai ke menua kita tok.

Maksudnya:

Memanggil Puyang Gana Raja Juata Petara. Kerana tuan datuk Puyang Gana Raja Juata Petara (gelaran) menyuruh kami memberitahu tuan ke sini, kerana tuan pemilik bukit, pemilik lubuk pemilih air yang luas, pemilik tapang (nama pokok) pemilih lalau (pokok tempat lebah madu bersarang), pemilik air pemilih danau. Jadi menyuruh tuan mengusir dari daerah kami kita ini, penyakit virus Corona yang khabarnya membunuh orang di tanah Jawa sana. Usur tolak oleh tuan datuk Puyang Gana. Menyuruh tuan menolak dari Pontianak, suruh berhenti sampai pantai, suruh berbalik sampai muara sungai, suruh hanyut ke Kapuas neradang kampas. Supaya tidak datang ke sini. Sumpah suruh mati, bunuh suruh lari, jangan suruh datang ke daerah kita ini.

Dalam kosmologi masyarakat Mualang, Puyang Gana merupakan penguasa alam semesta. Dalam mantera di atas, terdapat penggunaan istilah *empu* yang bererti ‘pemilik’. Dalam frasa *empu buket empu bukau* menunjukkan Puyang Gana merupakan penguasa daratan; *empu lubok empu lanau* dan *empu ai empu danau* menunjukkan Puyang Gana pemilik air; dan, *empu tapang empu lalau* bermaksud Puyang Gana merupakan pemilik tumbuhan di alam semesta ini. Dengan itu, dalam setiap ritual yang ada kaitan dengan alam, misalnya membuka ladang untuk bercucuk tanam, masyarakat harus meminta kebenaran dari Puyang Gana. Dalam ritual tolak bala, Puyang Gana juga dipanggil dengan harapan dapat mengatur alam semesta dan menolak segala musibah penyakit.

3. Menimang *Pentek*

Peringkat ketiga dalam upacara ini ialah menimang *pentek*, iaitu bertujuan menggunakan *pentek* sebagai penebus atau pengganti jiwa manusia. Mantera yang terlibat adalah seperti berikut:

Nuan pentek mulah kaki isa? bejalai, mulah jari isa? nyapai, mulah nyawa isa? makai, mulah mulut isa? nimpai. Pulah pala pulah mata, pula peneng pulah telinga.

Maksudnya:

Tuan *Pentek* buat kaki supaya berjalan, buat tangan supaya memegang, buat nyawa supaya makan, buat mulut supaya menyapa. Buat kepala buat mata, buat telinga.

Pentek merupakan patung yang diperbuat daripada kayu kumpang dan menyerupai wajah manusia dengan memiliki anggota badan seperti

kepala, hidung, mata, kaki dan sebagainya. Dalam mantera, anggota-anggota badan ini juga disebutkan, iaitu [*nuan pentek mulah kaki isa? bejalai*], [*mulah jari isa? nyapai*], [*mulah nyawa isa? makai*], [*mulah mulut isa? nimpai*], [*pulah pala pulah mata*], [*pulah peneng pulah telinga*] (dalam bahasa Mualang: *nyawa* ‘mulut’, *pala* ‘kepala’, *peneng* ‘telinga’). Seperti yang dinyatakan di atas, *pentek* dijadikan sebagai pengganti jiwa seseorang menurut kepercayaan Mualang. Maksudnya segala gangguan makhluk ghaib wabak atau penyakit akan “melekat” pada *pentek* daripada terkena pada manusia. Bahkan, ketika bermimpi buruk, orang Mualang akan *mentek* iaitu membuat sebuah *pentek* yang ketinggiannya mengikut ukuran ketinggian orang yang bermimpi buruk dan *pentek* tersebut akan dihantar ke jalan kubur. Dalam upacara tolak bala yang dikaji ini, *pentek* digunakan dengan harapan wabak Covid-19 terkena pada *pentek* dan terhalang daripada masuk ke kampung.

4. Memanggil Petara

Peringkat terakhir yang akan dilakukan dalam ritual ini ialah memanggil Petara, iaitu pencipta alam semesta dan segala. Dalam kosmologi Mualang dan juga kaum Iban, Petara dianggap sebagai pencipta alam semesta ini. Mantera yang dibacakan adalah seperti berikut:

Baro? nuan ake? petara sige? piak, nema nuan ti mulah tanah mulah dunia, mulah anak manang ensia. Minta intu minta pelihara, minta tungok minta jaga kami anak manang ensia. Nema isa? kami beayu ke tangan penyamang entebong, beayu ke bukit tujuh tucong, beayu ke ai bedilang dilong, beayu ke ayau berangau da ujong, beayu ke dani da rapek kampung, beayu ketengan penyamang entebong, beayu kebukit tujuh tucong. Isa? idop kami nyamai, isa? pemakai kami adai, isa? umor kami panyai.

Maksudnya:

Sekarang tuan datuk Petara juga begitu. Kerana tuan yang membuat tanah membuat dunia, membuat umat manusia. Meminta jaga meminta pelihara, meminta jaga, meminta jaga kami umat manusia. Supaya kami beayu ke tengang penyamang entebong (alat muzik), beayu ke bukit tujuh puncak, beayu ke air berlimpah ruah, beayu ke ayau (nama pokok) beranting di hujung, beayu ke dani (nama pokok) di pinggir kampung, beayu ke tengang penyamang entebong, beayu ke bukit tujuh puncak. Supaya hidup kami enak, supaya makanan kami ada, supaya umur kami panjang.

Dalam upacara tolak bala, memohon perlindungan dari Petara merupakan peringkat terakhir dalam hieraki proses tolak bala. Dalam petikan ayat-ayat mantera berikut, telah ditunjukkan

Petara merupakan Pencipta: *nema nuan ti mulah tanah mulah dunia* (membuat tanah dan dunia), *mulah anak manang ensia* (membuat umat manusia). Kepercayaan terhadap Petara sebagai pencipta alam semesta kemungkinan merupakan pengaruh dari kepercayaan Hindu iaitu *avatara* (lihat Green 1912).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa adat tolak bala memang wujud dalam masyarakat Mualang. Adat ini selain merupakan ritual untuk menghindari daripada serangan musuh juga diamalkan untuk “menolak” penyakit dan musibah. Pada masa kini, adat ini telah hampir pupus dalam masyarakat Mualang kerana Kristianisasi dan permodenan. Di bawah pandemik Covid-19, adat ini muncul kembali dan diamalkan untuk mencegah wabak ini daripada melanda masyarakat. Justeru kerana faktor keagamaan, wujud sikap yang kontradik dari segi pengamalan adat tradisi ini di mana sebahagian daripada masyarakat bersetuju melaksanakannya manakala sebahagian bersikap sebaliknya. Dalam keadaan yang darurat, sebahagian besar daripada penduduk memilih untuk melaksanakannya demi kesejahteraan kampung. Dalam ritual tolak bala yang dianjurkan, disaksikan terdapat empat peringkat yang perlu disempurnakan, iaitu menimang ayam (*nimang manok*), memanggil makhluk pelindung (*puyang gana*), Memimang *Pentek* (*nimang pentek*) dan memohon perlindungan *petara*. Penelitian ini telah berjaya mendeskripsikan adat tolak bala suku Mualang dan menyumbangkan kosa ilmu etnografi masyarakat Mualang kepada khalayak ramai. Sesungguhnya, ritual ini merupakan salah satu khazanah warisan alam Melayu yang wajar didokumentasikan.

RUJUKAN

- Chong Shin. 2005. Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual: Minoriti Cina di Pekan Sekadau, Pulau Borneo. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chong Shin. 2006. Menilai distribusi dan ciri linguistik varian Ibanik. Dlm. *Reflections in Borneo Rivers: Essays in Honors of Professor James T. Collins, Book I*, disunting oleh Chong Shin, Karim Harun, & Yabit Alas, 97-109. Pontianak: STAIN Pontianak Press.
- Chong Shin. 2012. *Masyarakat Multilingual dan Pemilihan Bahasa: Minoriti Tionghoa di Kota Sekadau, Pulau Borneo*. Jakarta: Universitas Atma Jaya
- Chong Shin. 2015. Fonologi variasi Kumpang di Sungai Ketungau: Analisis perbandingan. *Issues in Language Studies* 4(1): 26-37.

- Collins, J. T. & Chong Shin. 2007. *Bahasa dalam Masyarakat Ibanik di Alam Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. 2001. Ketungau and Ibanic: Some observations in the Sekadau valley. Manuskrip.
- Collins, J.T. 2002. Bahasa dan etnisiti di Pulau Borneo: Tinjauan awal di Kalimantan Barat. *Dewan Bahasa* 2(4):29-35.
- Collins, J.T. 2003. Malay and Malayic: The classification of the Menterap language. Dlm. *PELLBA 16. Pertemuan Linguistik Pusat Kajian Bahasa dan Budaya Atma Jaya Keenam Belas*, disunting oleh Bambang Kaswanti Purwo, 115-163. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Collins, J.T. 2004a. Ibanic language in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin* 35:17-47.
- Collins, J.T. 2004b. Language communities in the Sekadau River basin, Kalimantan Barat: Three viewpoints. *Suomen Antropologi* 29(4): 2-21.
- Collins, J.T. 2016. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Derani, P. 2007. Budaya pemali burung orang Benawas dan orang Sekujam. Dlm. *Bahasa dan masyarakat Ibanik di Alam Melayu*, disunting oleh Chong Shin & Collins, J.T. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Drake, R.A. 1990. A grain of truth in the story of Tembewang Tampun Juah. Dlm. *Language and Oral Traditional in Borneo*, disunting oleh Collins, J.T., 51-60. Kuching: Borneo Research Council Proceedings Series.
- Dunselman, P.D. 1950. Over de huwelijksadat der Moelalng-Dajaks van West-Borneo. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 106:1-45.
- Dunselman, P.D. 1955. *Kana Sera, zang der zwagerschap*. Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor de Taal-, Land- en Volkenkunde 17. Leiden: Brill.
- Dunselman, P.D. 1959. *Uit de literatuur der Mualang-Dajaks. 's-Gravenhage*. Martinus Nijhoff: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.
- Green, E. 1912. *Borneo: The Land of River and Palm*. London: Society for the Propagation of the Gospel in Foreign Parts.
- Hendry, B. 2020. Ritual 'mensuung' tolak bala di Taman Bandukan Lama Bingkor. Borneo Utusan Online. Dicapai pada 31 Oktober 2022. <https://www.utusanborneo.com.my>.
- Herpanus. 2007. Etnolinguistik Dayak Desa: Zingiberaceae dan masyarakat. Dlm. *Bahasa dan Masyarakat Ibanik di Alam Melayu*, disunting oleh Chong Shin & Collins, J.T. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hudson, A.B. 1970. A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak language in Western Borneo. *Sarawak Museum Journal* 18(36-37): 301-318.
- Loischofeer, A.J. & Darmawan, D.R.. 2021. Tradisi tolak bala sebagai adaptasi masyarakat Dayak Desa Umin dalam menghadapi pandemi di Kabupaten Sintang. *Habitus: Jurnal Pendidikan Sosiologi Dan Antropologi* 5(1): 53-68
- Ongie, W.B. 2020. Rumah Banyah keluar larangan, adakan miring tangkis COVID-19. *Utusan Borneo Online*. Dicapai pada 22 Mac 2023. <https://www.utusanborneo.com.my>.
- Rachman, N. F. & Nelwan, I. 2021. *Memahami Krisis dan Kemelut Pandemi Covid-19*. Jakarta: Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Riset dan Teknologi.
- Robert Menua, S., Jantan, U., Janang, E. & Sather, C. 2002. *Pelian*. Kuching: The Tun Jugah Fondation.
- Robert Menua, S. 1997. *Leka Timang*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Sandin, B. 1961. Gawai Antu: Sea Dayak feast of the departed spirits. *Sarawak Museum Journal* 10: 170-191.
- Sandin, B. 1969. *Pengap Gawai Sakit*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B. 1976. *Cara-cara Hidup Suku Iban*. Kuching: Biro Kesusasteraan Borneo.
- Sandin, B. 1982. Mythological origins of Iban shamanism. *Sarawak Museum Journal* 32: 235-250.
- Skeat, W.W. 1900. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Region of the Malay Peninsula*. New York: Dover Publication
- Tjia, J. 2007a. A grammar of Mualang: An Ibanic language of Western Kalimantan, Indonesia. Disertasi Doktor Falsafah, Leiden University
- Tjia, J. 2007b. Morfosintaksis bahasa Mualang: Catatan perbandingan dengan Iban dan Melayu. Dlm. *Bahasa dan Masyarakat Ibanik di Alam Melayu*, disunting oleh Chong Shin & Collins, J.T. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilkinson, R.J. 1903. *A Malay-English Dictionary*. Singapore: Kelly & Walsh limited.

Hendrikus Mangku
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 h.hendrikus@yahoo.com

Chong Shin
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 chongshin@ukm.edu.my

James T. Collins
 Institut Kajian Etnik
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 jtcukm@yahoo.com